



16 Disember 2015  
16 December 2015  
P.U. (A) 295

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2015

### *JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM  
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2015.**

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2015.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim 1971, dipinda seperti yang berikut:

(a) dengan menggantikan perenggan 14 dengan perenggan yang berikut:

**“14. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN:**

| <i>Kemudahan pembiayaan perumahan<br/>bagi Hakim</i>  | <i>Tarikh mula<br/>berkuat kuasa</i> |
|---|--------------------------------------|
| (a) Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] tertakluk kepada pembiayaan maksimum sebanyak RM700,000.00. | (1) 1-10-2015                        |

- (b) Seseorang Hakim yang dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah mendapat kemudahan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan semasa berkhidmat dalam mana-mana gred layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan semasa menjadi Hakim pada amaun pembiayaan maksimum dan hendaklah dianggap sebagai pembiayaan baharu.
- (c) Seseorang Hakim layak memohon pembiayaan kali kedua dalam tempoh perkhidmatannya, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.”;
- (b) dengan menggantikan perenggan 15 dengan perenggan yang berikut:
- “15. BEKALAN UTILITI:**
- | (1)  | (2)                              |
|--|----------------------------------|
| <i>Bekalan utiliti bagi Hakim</i>  | <i>Tarikh mula berkuat kuasa</i> |
| (a) Bekalan utiliti bagi rumah kediaman rasmi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar hendaklah ditanggung oleh Kerajaan. | 1-10-2015                        |

- (b) Seseorang Hakim hendaklah dibayar balik bayaran yang dibuat untuk bekalan utiliti bagi rumah yang didudukinya.

Bagi maksud perenggan ini, bekalan utiliti merujuk kepada air, pembentungan, elektrik dan gas bermeter.”;

- (c) dengan menggantikan perenggan 15A dengan perenggan yang berikut:

**“15A. BAYARAN BIL TELEFON DAN INTERNET:**

| <i>Bayaran bil telefon dan internet<br/>bagi Hakim</i>   | <i>Tarikh mula<br/>berkuat kuasa</i> |
|--|--------------------------------------|
| (a) Bil telefon dan internet termasuk bil perkhidmatan stesen televisyen berbayar bagi rumah kediaman rasmi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar, dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan dengan kemudahan itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan. | 1-10-2015                            |
| (b) Bil telefon mudah alih Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar yang tidak melebihi RM500.00 sebulan, dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan dengan telefon mudah alih itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.                                    |                                      |

(c) Seseorang Hakim hendaklah dibayar balik bayaran yang dibuat untuk—

- (i) bil telefon dan internet rumah yang diduduki; dan
- (ii) bil telefon mudah alih tidak melebihi RM500.00 sebulan,

dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan dengan telefon, internet dan telefon mudah alih itu.”;

(d) dalam perenggan 16, dengan menggantikan subperenggan (ad) dengan subperenggan yang berikut:

“(ad) Jika seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dilantik menjadi Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah dikira sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim walaupun lantikan sebagai Hakim itu telah dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa perenggan ini, dengan syarat Hakim itu masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa itu.”

1-10-2015

; dan